



Ruj. Kami : ANM(G)NS.127 Jld.2 (49)

Tarikh : 5 Mac 2019

PENGARAH

SEMUA PUSAT PEMBAYAR GAJI

KERAJAAN PERSEKUTUAN

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YBhg. Dato / Tuan,

**TARIKH KUNCI MASUK DAN LARIAN GAJI *DAILY RATED* BAGI GAJI
PEKERJA SAMBILAN HARIAN BULAN MAC 2019**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/tuan, gaji Pekerja Sambilan Harian / Guru Ganti / Pekerja Bergaji Hari bagi bulan Mac 2019 akan diproses seperti ketetapan berikut :

Tarikh Kunci Masuk	Tarikh Run Gaji	Tarikh Gaji
01.04.2019	02.04.2019	04.04.2019

3. Bagi memastikan proses larian gaji berjalan dengan lancar, kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan. Data Induk di PA40 boleh mula dikunci masuk selepas tarikh run gaji Regular Cycle, manakala bilangan hari pegawai bekerja hendaklah dikunci masuk di PA30 pada tarikh 01.04.2019.

4. Pihak YBhg. Dato' / tuan juga adalah dipohon untuk memastikan Waran Peruntukan bagi tujuan bayaran gaji PSH ini telah diperolehi daripada Kementerian / Ibu Pejabat. Sekiranya Waran Peruntukan masih belum diterima, kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk menyediakan Waran Kosong (F0) di bawah kod objek 29000.


5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/tuan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

- i. Puan Noraini binti Mohd Yunos 06-768 6897
- ii. Puan Sareen Deo binti Mohd Imbran 06-768 6871

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA (UK), C.A.(M))

Unit Gaji

b.p: Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan